



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

08 Zulkaedah 1441 / 30 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 08 Zulkaedah 1441H bersamaan 30 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, terdapat **407** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,704** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 324 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 29,547 ujian.

4. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **406,071 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,950** telah mendaftar. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah **5,995** telah dimuat turun oleh **4,269 premis perniagaan**.

5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa satu operasi rondaan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap premis-premis perniagaan khususnya restoran, gerai makan dan *food court* telah dijalankan baru-baru ini dalam memastikan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dalam pengawalan jangkitan COVID-19 dipatuhi oleh para pengurus dan kakitangan premis. **Operasi “Merati”** tersebut telah dijalankan di sebuah gedung perniagaan di Bandar Seri Begawan yang mana sejumlah 21 buah premis makanan telah ditinjau oleh Pegawai-Pegawai Penguatkuasa daripada Unit

Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan. Hasil dari operasi tersebut telah mendapati tiga (3) daripada 21 premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan dan telah dikenakan denda kompaun oleh Unit Penguatkuasaan Kesihatan. Antara kesalahan-kesalahan yang telah didapati semasa operasi tersebut adalah seperti:

- Tidak menyediakan pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis;
- Tidak memakai penutup muka (face mask) bagi pengendali dan penyedia makanan;
- Tidak ada penjarakan sosial disediakan di premis berkenaan bagi keselamatan pengunjung yang datang (*dine in* mahupun *take away*);

6. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi menekankan dan mengingatkan para pengurus dan kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan Kementerian Kesihatan, serta terus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing. Terutama sekali untuk mendapatkan kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis tersebut dan seterusnya mencetak kod QR dan melekatkannya di kawasan

pintu masuk premis untuk diimbaz oleh pelanggan sebelum masuk dan seurus sebelum meninggalkan premis; melakukan pemeriksaan suhu badan pelanggan di pintu masuk; dan memastikan pelanggan mematuhi garis panduan penjarakan sosial; di samping mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 08 Zulkaedah 1441H / 30 Jun 2020